

25/07/2002

Pemilihan Puteri 2 November

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemilihan semua jawatan Puteri Umno peringkat pusat akan diadakan pada 2 November ini, lebih setahun selepas penubuhannya pada Ogos tahun lalu.

Pemilihan pada perhimpunan agung pertama sayap baru Umno itu diadakan dua minggu selepas pemilihan peringkat bahagian mulai 16 September hingga 15 Oktober.

Tarikh mesyuarat serta pemilihan peringkat cawangan pula bermula 1 Ogos hingga 15 September ini.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang dipengerusikan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tarikh itu ditetapkan berikutan pindaan perlembagaan parti bagi membolehkan penubuhan Puteri Umno secara rasmi pada 20 Jun lalu.

"Mesyuarat dan pemilihan ini untuk menjadikan Puteri sebagai sayap yang sah kerana selama ini Puteri dan pemegang jawatan hanya penaja. Dengan mengadakan mesyuarat itu, tamatlah status penaja Puteri," katanya.

Persidangan khas yang diadakan sempena Perhimpunan Agung Umno bulan lalu meluluskan pindaan perlembagaan parti bagi membolehkan Puteri Umno diterima secara rasmi sebagai sayap barunya.